

## PENGUMUMAN PENTING

**PERKARA : MAKLUMAN PEMBAYARAN DEPOSIT BAGI URUSAN PEMASANGAN METER ELEKTRIK DI KUARTERS INTEGRASI CHERAS**  
**MAKLUMAN KEPADA : SEMUA BAKAL PENGHUNI KUARTERS INTEGRASI CHERAS**

Dimaklumkan bahawa pihak Jabatan dalam peringkat akhir menguruskan kemasukan penghuni ke Kwarters Integrasi Cheras. Dua (2) perkara yang masih dalam proses dilaksanakan ialah perkara yang melibatkan utiliti iaitu bekalan air dan elektrik. Berhubung bekalan air, pihak SYABAS sedang menguruskan pemasangan meter air dan dijangka dapat disiapkan sebelum Ogos 2013. Justeru, anggota yang belum membuat pembayaran deposit SYABAS diminta melaksanakan perkara berikut :-

- i. Melengkapkan borang SYA/F1A/A2  
*(boleh didapati di Sub Unit Pengurusan Kwarters, JKWPKL&P)*
- ii. Menyediakan bank draf **berjumlah RM100** atas nama **Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.**
- iii. Menyediakan sesalinan kad pengenalan pemohon *(depan dan belakang)*.

Manakala bagi urusan bekalan elektrik pihak tuan/puan diminta untuk menguruskan bayaran deposit bagi urusan pemasangan meter elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Perkara yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- iv. Melengkapkan borang Permohonan Bekalan Elektrik Domestik  
*(boleh didapati di Sub Unit Pengurusan Kwarters, JKWPKL&P)*
- v. Membeli setem hasil berjumlah RM10 dan dilekatkan pada borang.
- vi. Menyediakan bank draf **berjumlah RM210** atas nama **Tenaga Nasional Berhad.**
- vii. Menyediakan sesalinan kad pengenalan pemohon *(depan dan belakang)*.

Sehubungan itu, tuan/puan diminta melaksanakan SEGERA perkara yang berkaitan dan mengemukakan ke Unit Pentadbiran (**u.p : Puan Nor'ain/En. Mohd. Zaidi/En. Shahrul**) **selewatnya pada 10 Julai 2013** untuk tujuan penyelarasan. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh menghubungi **Pn. Nor'ain (samb. 7221), En. Mohd. Zaidi (samb. 7227)** atau **En. Shahrul (samb.7228)**.

Segala kesulitan amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

**TEO KIM SIONG**

Timb. Pengarah Kesihatan  
Bahagian Pengurusan  
Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya